

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** Wednesday, 18 December, 2019 12:57 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Cc:** Staf - Pesara UUM  
**Subject:** Penjualan Nombor Pendaftaran Khas Kenderaan UUM



UUM Corporate Comm.  
Universiti Utara Malaysia

18 DISEMBER 2019 / 21 RABIULAKHIR 1441H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

**PENJUALAN NOMBOR PENDAFTARAN KHAS KENDERAAN UUM  
MULAI FEBRUARI 2020**

**UUM ONLINE:** Universiti Utara Malaysia (UUM) akan mula membuat penjualan nombor pendaftaran khas kenderaan universiti mulai Februari 2020.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, orang ramai menunjukkan minat tinggi untuk memiliki nombor pendaftaran khas tersebut selepas majlis pra pelancaran secara dalaman diadakan pada 16 Disember lalu.

Menurutnya, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) telah meluluskan permohonan UUM untuk menjual nombor pendaftaran khas dengan menggunakan prefix "UUM" pada 2 Disember 2019, iaitu bermula dari UUM 1 sehingga UUM 9999.

Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan (BSD) selaku pihak yang diberi tanggungjawab oleh UUM akan melaksanakan penjualan tersebut yang akan dibuat secara *e-bidding* setelah semua urusan pentadbiran yang melibatkan JPJ diselesaikan sepenuhnya.

Harga minimum nombor pendaftaran khas adalah berbeza mengikut kategori dan BSD akan membuat hebahan rasmi apabila sistem *e-bidding* tersebut sedia untuk digunakan.

UUM dan BSD ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang menunjukkan minat tinggi terhadap nombor pendaftaran khas ini dan diharapkan ia dapat menyumbang kepada UUM demi kebaikan semua.

Maklumat lanjut, boleh hubungi BSD di talian 04-928 3900 / 3901 / 7268 / 5542.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.